



## **Resorts World Genting Meraikan Ulang Tahun Ke-60 dengan Pelancaran Gemilang *Genting Culinary Classic 2025* dan Program *Tourist Privilege***

**Genting Highlands, 14 Mac 2025** – Sempena sambutan ulang tahun ke-60 dan Jubli Intan Resorts World Genting (RWG), RWG dengan bangganya mengumumkan pelancaran *Genting Culinary Classic 2025*, sebuah pertandingan kulinari baharu yang bakal berlangsung pada 10 dan 11 Jun 2025 di Genting International Showroom (GISR). Selain itu, RWG turut memperkenalkan Program *Tourist Privilege*, sebuah inisiatif khas untuk memberikan pelbagai manfaat eksklusif kepada pelancong antarabangsa sebagai persediaan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026.

Bagi merasmikan inisiatif ini, satu sidang media telah diadakan di Resorts World Awana pada 14 Mac 2025, di Resorts World Awana yang dihadiri oleh tetamu kehormat termasuk Encik Ahmad Husni Ahmad Basri, Timbalan Pengarah, Unit Kebudayaan dan Warisan; Jennifer Ong, Pengasas merangkap Ketua Eksekutif Kumpulan HAPA; Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam RWG; serta Peter Foster, Naib Presiden Eksekutif Awana.

Spencer Lee berkongsi keterujaannya dengan inisiatif ini: “Sebagai sebahagian daripada sambutan Jubli Intan pada tahun ini, kami berbesar hati untuk memperkenalkan *Genting Culinary Classic 2025* dan Program *Tourist Privilege*, yang selaras dengan komitmen kami dalam memartabatkan industri hospitaliti dan pelancongan Malaysia. Sokongan padu daripada Tourism Malaysia amat penting dalam merealisasikan ini. Kerjasama ini mengukuhkan visi bersama kami untuk menjadikan Malaysia dan RWG sebagai destinasi utama bagi kecemerlangan kulinari serta pengalaman pelancongan bertaraf dunia.”

### **Kerjasama Strategik *Genting Culinary Classic 2025* dan HAPA**

Dalam usaha memelihara warisan kulinari Malaysia yang kaya serta menginspirasi generasi baharu dalam dunia gastronomi, edisi sulung *Genting Culinary Classic 2025* bakal berlangsung dengan tema masakan Malaysia sebagai teras utama.

Lebih daripada sekadar pertandingan, acara ini berfungsi sebagai platform berprestij untuk mengetengahkan bakat tersembunyi dari dapur rumah, bintang baharu dari restoran, penggemar kulinari, serta profesional industri. Ia memberi peluang kepada mereka untuk mempersembahkan kemahiran, kreativiti, dan dedikasi dalam merayakan keunikan masakan Malaysia.

Bagi memastikan piawaian pelaksanaan dan profesionalisme yang tertinggi, RWG bekerjasama dengan Hospitality Asia Platinum Awards (HAPA) sebagai penganjur rasmi. Dengan kepakaran HAPA dalam menganjurkan acara bertaraf dunia serta sokongan padu daripada Tourism Malaysia, acara tahunan ini dijangka memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi kulineri global. Selain membuka peluang kerjaya yang bernilai kepada para chef, ia juga merangsang kolaborasi dan inovasi dalam industri hospitaliti.

Pertandingan ini terbuka kepada semua, dengan borang pendaftaran dalam talian yang boleh diakses di [rwgenting.com](http://rwgenting.com). Daripada jumlah penyertaan yang diterima, seramai 20 finalis chef akan dipilih berdasarkan kualiti, inovasi, dan kreativiti mereka untuk bersaing di peringkat akhir. Pertandingan ini akan dinilai oleh panel juri berprestij yang terdiri daripada lima pakar kulineri ternama, termasuk chef selebriti dan pengkritik makanan tersohor, sekali gus menjanjikan pentas persaingan yang dinamik serta sarat dengan inovasi dan kreativiti.

Lima pemenang utama akan membawa pulang gelaran berprestij serta hadiah wang tunai, dengan Juara Kebangsaan menerima hadiah utama berjumlah RM25,000. Malah, pemenang juga mendapat peluang eksklusif untuk menampilkan hidangan kemenangan di rangkaian restoran bertaraf dunia di RWG – suatu peluang sekali seumur hidup untuk meninggalkan legasi dalam arena kulineri Malaysia.

### **Nikmati Keistimewaan Eksklusif dengan Program Tourist Privilege**

Bagi menyokong inisiatif Tahun Melawat Malaysia 2026 oleh Tourism Malaysia, RWG memperkenalkan Program Tourist Privilege, yang menawarkan pelbagai manfaat eksklusif kepada pelancong antarabangsa dari sekarang hingga 31 Disember 2025.

Dengan hanya menunjukkan pasport antarabangsa yang sah di Kaunter Info, terletak di Aras 1 SkyAvenue (bersebelahan Dragon-i), dari jam 10 pagi hingga 10 malam, pelancong akan menerima Kit Istimewa Program Tourist Privilege, sekali gus memberikan akses kepada pelbagai hadiah eksklusif serta tawaran diskaun dan promosi istimewa.

Jumlah kit yang terhad setiap hari menjadikan program eksklusif ini beroperasi berdasarkan prinsip “siapa cepat, dia dapat”, memastikan pengalaman premium bagi mereka yang merebut peluang ini.

Untuk menyertai pelbagai acara dan menikmati pengalaman eksklusif yang menarik, layari [rwgenting.com](http://rwgenting.com) atau ikuti kami di saluran media sosial rasmi.

– Tamat –

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

#### **Ms Michelle Wong**

Manager  
Public Relations & Media  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9608  
Email: [michelle.wong@rwgenting.com](mailto:michelle.wong@rwgenting.com)

#### **Ms Mei Yeap**

Assistant Manager  
Public Relations & Media  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9447  
Email: [mei.yeap@rwgenting.com](mailto:mei.yeap@rwgenting.com)

## **Mengenai Genting Malaysia**

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat rekreasi dan hospitaliti terkemuka di peringkat global. Ia tersenarai di Bursa Malaysia dengan nilai pasaran kira-kira RM16 bilion. Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan beberapa resort utama, antaranya Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City (RWNYC), Resorts World Catskills (RW Catskills), dan Resorts World Hudson Valley (dimiliki 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat (AS), serta Resorts World Bimini (RW Bimini) di Bahamas, Resorts World Birmingham (RW Birmingham), dan lebih daripada 30 kasino di United Kingdom (UK). Tambahan pula, Genting Malaysia juga memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di pulau Langkawi.

Dengan lebih kurang 10,500 bilik merangkumi tujuh hotel yang berbeza, Resorts World Genting (RWG) merupakan destinasi resort bersepadu utama di Malaysia. Resort ini menawarkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan, termasuk permainan, taman tema, tarikan hiburan, tempat makan, kedai runcit, serta pertunjukan antarabangsa dan fasiliti konvensyen perniagaan. Genting SkyWorlds, sebuah taman tema kelas pertama yang bertaraf dunia, menjadi tarikan utama yang menambah lagi kepelbagaian hiburan di RWG. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (sebuah usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) yang terletak di pertengahan bukit, melengkapkan tawaran premium RWG yang meluas dan menegaskan kedudukannya sebagai penyedia hiburan dan riadah terkemuka di rantau ini.

Genting Malaysia merupakan sebuah entiti dalam Kumpulan Genting, sebuah korporat multinasional terkemuka yang diiktiraf sebagai peneraju dalam pengurusan di Asia. Kumpulan Genting dikendalikan oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah berjaya mencipta jenama Resorts World sebagai penggerak utama dalam sektor riadah dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat (AS), Bahamas, dan United Kingdom (UK). Tan Sri Lim Kok Thay turut memiliki pelaburan strategik dalam pelbagai industri di peringkat global, termasuk dalam sektor perladangan kelapa sawit, pembangunan hartanah, penjanaan kuasa, minyak dan gas, pelayaran, serta bidang bioteknologi.